

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN KHAS PRIHATIN
SEBANYAK RM1,000 KEPADA PENGUSAHA SPA DAN PUSAT URUTAN KAKI
(PUK) BAWAH MOTAC**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1) Hanya pengusaha Spa dan PUK sahaja yang layak memohon;
- 2) Pemohon mestilah mempunyai premis yang berstruktur kekal;
- 3) Premis hendaklah menjadi ahli mana-mana persatuan di bawah *Association of Malaysian Spas (AMSPA)* dan *Malaysian Association Of Wellness & Spa (MAWSPA)* sebelum 1 Jun 2021;
- 4) Premis telah diberikan penggredan di bawah MOTAC dan Sijil Penggredan yang masih sah selepas 1 Januari 2020;
- 5) Premis hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang masih sah;
- 6) Pemberian bantuan kewangan ini hanya diberikan secara *One-Off* kepada Spa dan PUK sahaja;
- 7) Hanya satu permohonan untuk setiap premis perniagaan. Sekiranya pemohon mempunyai banyak premis cawangan, setiap cawangan TIDAK BOLEH mengemukakan permohonan; dan
- 8) Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **6 September 2021** dan sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 1) Salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- 2) Salinan Terkini Sijil Persatuan;
- 3) Salinan Sijil Penggredan MOTAC;
- 4) Salinan Terkini Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Yang Masih Sah;
- 5) Salinan Terkini Penyata Bank Syarikat; dan
- 6) Borang Prihatin SPA/PUK.